

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9/3/2013

MUKA 4 • MINGGUAN MALAYSIA

## Pencerobohan Berdarah di Sabah

Laporan: (WARTAWAN) TARMIZI ABDUL RAHIM, ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN, HISYAMUDDIN AYUB, ASSIM HASSAN, ROSMAWATI SALIHIN dan ALFEY CHESTER  
(JURUGAMBAR) AZRUL EDHAM MOHD. AMINUDDIN, RIDUAN RIZAL AHMAD dan AMIR HAFIZ ABD. RAHMAN

### Mesyuarat Kawasan Keselamatan Khas hari ini

UM-9/3/2013

KOTA KINABALU 9 Mac - Penuh-buhan Kawasan Keselamatan Khas (KKK) di Utara dan Pantai Timur Sabah akan segera dilaksanakan meskipun Op Daulat di Lahad Datu dekat sini masih belum berakhir, sekali gus membuktikan kesungguhan kerajaan mengotakan janji dan bukannya retorik.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, satu mesyuarat akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Seri Abdul Rahim Mohamad Radzi esok bagi menyelaras kesemua agensi di bawah kementerian yang bertujuan mendapatkan input awal.

Katanya, segala input itu akan dikemukakan kepada kerajaan negeri melalui mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Sabah yang akan dipengerusikan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman pada Isnin ini.

"Antara yang akan dibincangkan

ialah mengenai perancangan kawalan sepanjang kira-kira 1,400 kilometer pesisir pantai KKK, menaik taraf balai-balai polis, perjawatan, perlunya kehadiran anggota penguatkuasaan dan keselamatan di kawasan 'panas' seperti Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Pulau Bum-Bum, Semporna dan Sandakan.

"Semuanya akan dibincangkan dan disegerakan walaupun Op Daulat di Lahad Datu masih belum berakhir. Ini adalah komitmen kita menjaga dan memastikan keamanan Sabah," katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen

Sabah di sini hari ini.

Dalam pada itu Hishammuddin berkata, pihaknya telah menggerakkan Pasukan Ikatan Relawan Rakyat (Rela) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) untuk bersama-sama dengan setiap lapisan masyarakat setempat memastikan



HISHAMUDDIN



PASUKAN kereta perisai ATM menuju ke Kampung Tanduo dalam pertempuran antara Angkatan Tentera Malaysia dan penganas Sulu di Lahad Datu, semalam. - IHSAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

keamanan negeri sentiasa terjaga. "Gerakan ini dibuat secara sistematik dan berterusan, bukannya

secara bermusim untuk meyakinkan orang ramai bahawa kerajaan tidak akan sesekali membenarkan

negeri ini dan rakyatnya berseorangan menghadapi ancaman dan cabaran," katanya.